

RINGKASAN EKSEKUTIF

TAJUK KERTAS KERJA	:	MEMOHON PERUNTUKAN BAJET UNTUK PEMBAYARAN PROGRAM PENILAIAN KESEDIAAN <i>INDUSTRY4WRD</i> BAGI TAHUN 2021 KEPADA BADAN PENILAI BAHARU																		
TARIKH	:	APRIL-DISEMBER 2021																		
TEMPAT	:	SYARIKAT PKS YANG TERPILIH UNTUK MENGIKUTI PROGRAM PENILAIAN KESEDIAAN <i>INDUSTRY4WRD</i>																		
BAHAGIAN / UNIT / WILAYAH	:	AP UNIT / PER																		
BAJET	:	BAJET USAHASAMA 4.0 (PERUNTUKAN DARI MITI)																		
ANGGARAN KOS TERLIBAT	:	RM1.1 JUTA PECAHAN PEMBAYARAN KEPADA BADAN PENILAI BAHARU: <table border="1"> <thead> <tr> <th>NO.</th><th>BADAN PENILAI</th><th>JUMLAH</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td><td>AJA EQS CERTIFICATION</td><td>132,000.00</td></tr> <tr> <td>2.</td><td>WSP ENGINEERING</td><td>198,000.00</td></tr> <tr> <td>3.</td><td>INTERTEK CERTIFICATION</td><td>440,000.00</td></tr> <tr> <td>4.</td><td>YOKOGAWA KONTROL</td><td>330,000.00</td></tr> <tr> <td></td><td>JUMLAH</td><td>1,100,000.00</td></tr> </tbody> </table> <i>*telah mendapat kelulusan dari pihak MOF pada 2 Mac 2021.</i>	NO.	BADAN PENILAI	JUMLAH	1.	AJA EQS CERTIFICATION	132,000.00	2.	WSP ENGINEERING	198,000.00	3.	INTERTEK CERTIFICATION	440,000.00	4.	YOKOGAWA KONTROL	330,000.00		JUMLAH	1,100,000.00
NO.	BADAN PENILAI	JUMLAH																		
1.	AJA EQS CERTIFICATION	132,000.00																		
2.	WSP ENGINEERING	198,000.00																		
3.	INTERTEK CERTIFICATION	440,000.00																		
4.	YOKOGAWA KONTROL	330,000.00																		
	JUMLAH	1,100,000.00																		
IMPAK KEPADA INDUSTRI	:	- MEMASTIKAN SYARIKAT PKS YANG LAYAK MENJALANI PROGRAM PENILAIAN KESEDIAAN <i>INDUSTRY4WD</i> DAPAT DILAKSANAKAN MENGIKUT MASA YANG DIBERI. - MELIHAT TAHAP KESEDIAAN SYARIKAT PKS KE ARAH PELAKSANAAN I4.0 DAN MEMBERI PELUANG UNTUK MEMPEROLEHI BANTUAN GERAN DARI KERAJAAN. - MEMBANTU PKS YANG TERLIBAT UNTUK MENINGKATKAN TAHAP KECEKAPAN PENGELUARAN MEREKA BERASASKAN ELEMEN I4.0																		
BAKI PERUNTUKAN/ TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:																			
KOMEN/TANDA TANGAN PENGURUS UNIT PCT	:																			

**PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)
KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN KELULUSAN
LEMBAGA PENGURUSAN**

**MEMOHON PERUNTUKAN BAJET UNTUK PEMBAYARAN PROGRAM
PENILAIAN KESEDIAAN *INDUSTRY4WRD* BAGI TAHUN 2021 KEPADA
BADAN PENILAI BAHARU**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Kertas cadangan ini bertujuan untuk mendapatkan kelulusan dari Pengurusan MPC berhubung permohonan Peruntukan Bajet untuk Pembayaran Program Penilaian Kesediaan *Industry4WRD* bagi tahun 2021 kepada Badan Penilai Baharu.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Program Penilaian Kesediaan *Industry4WRD* merupakan satu program yang dibentuk untuk melihat tahap kesediaan syarikat Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) dalam mengadaptasi elemen i4.0 di dalam pengeluaran syarikat mereka. Program ini telah diperkenalkan pada penghujung tahun 2018 dan sehingga kini telah berjaya mengumpulkan sebanyak 890 syarikat PKS yang layak dinilai dalam program RA.
- 2.2 Bagi memastikan program penilaian ini dapat dijalankan dengan baik, badan penilai perlu dilantik agar syarikat PKS yang terpilih akan dinilai dan seterusnya dicadangkan untuk mendapat Geran Intervensi yang akan dkelolakan oleh MIDA.
- 2.3 Terdapat empat (4) Badan Penilai baharu bagi tahun 2021 yang dicadangkan dan keempat-empat badan penilai tersebut telah mendapat kelulusan dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) pada 2 Mac 2021. Badan Penilai tersebut adalah seperti berikut:
- 2.3.1 AJA EQS Certification (M) Sdn. Bhd.
 - 2.3.2 Intertek Certification International Sdn. Bhd.
 - 2.3.3 WSP Engineering Malaysia Sdn. Bhd.
 - 2.3.4 Yokogawa Kontrol (Malaysia) Sdn. Bhd.
- 2.4 Pemilihan dan pelantikan badan penilai di atas adalah berdasarkan kepada pengalaman luas yang dimiliki oleh mereka dalam pelaksanaan i4.0. selain itu juga, sesi Latihan Penuh juga akan diberi kepada penilai yang terlibat agar mereka dapat menjalankan penilaian mengikut standard yang telah ditetapkan.

3.0 PECAHAN BILANGAN SYARIKAT LAYAK MENYERTAI RA DAN NILAI KONTRAK BAGI SETIAP BADAN PENILAI

- 3.1 Pada tahun 2021, sebanyak 60 syarikat PKS yang disasarkan untuk menjalani RA. Pecahan pengagihan bilangan syarikat dan nilai kontrak untuk setiap badan penilai adalah seperti berikut:

Jadual 1 : Agihan Bilangan Syarikat & Nilai Kontrak

No.	Badan Penilai	Anggaran Bil. Syarikat	Nilai Kontrak (RM)
1.	AJA EQS Certification	7	132,000.00
2.	Intertek Certification	24	440,000.00
3.	WSP Engineering	10	198,000.00
4.	Yokogawa Kontrol	19	330,000.00
	JUMLAH	60	1,100,000.00

- 3.2 Pengagihan bilangan syarikat PKS yang layak menyertai RA kepada badan penilai adalah berdasarkan kepada bilangan penilai yang dimiliki oleh badan penilai tersebut. Bagi Intertek Certification, bilangan penilai yang ada seramai 16 orang, manakala Yokogawa Kontrol 12 orang, diikuti oleh WSP Engineering 6 orang dan AJA EQS Certification pula 4 orang.
- 3.3 Kelulusan dari MOF telah diperolehi bagi pelantikan keempat-empat Badan Penilai tersebut pada 2 Mac 2021 dan tempoh pelantikan adalah selama sembilan (9) bulan bermula April hingga Disember 2021. Tempoh pelantikan tersebut adalah merujuk kepada bilangan keseluruhan syarikat PKS yang terlibat (60 syarikat) dan kemampuan badan penilai melaksanakan sesi penilaian berkenaan.

4.0 KAEDAH PELAKSANAAN PENILAIAN KESEDIAAN INDUSTRY4WRD

- 4.1 Terdapat tiga (3) kaedah pelaksanaan sesi penilaian yang diperkenalkan kepada badan penilai iaitu;
- 4.1.1 Kaedah Fizikal – Penilai akan menjalankan sesi RA secara bersemuka dengan syarikat terlibat.
- 4.1.2 Kaedah Hybrid – Penilai akan menjalankan sesi RA secara bersemuka dan atas talian dengan syarikat terlibat.
- 4.1.3 Kaedah Online – Penilai akan menjalankan sesi RA secara atas talian dengan syarikat terlibat.

- 4.2 Walau bagaimanapun, kaedah 'Hybrid' dan 'Online' telah dimaklumkan kepada pihak MITI, namun belum mendapat persetujuan dari pihak mereka.
- 4.3 Berikut adalah pecahan berhubung kos yang terlibat dalam pelaksanaan RA mengikut kaedah yang diperkenalkan.

Jadual 2 : Kaedah Pelaksanaan Penilaian RA

Kaedah	Zon A	Zon B	Zon C
Kaedah 1 (FIZIKAL)	15,000	17,000	20,000
Kaedah 2 (HYBRID)*	14,400	16,400	19,400
Kaedah 3 (ONLINE)*	13,000		

Zon A - Kuala Lumpur, Melaka, Negeri Sembilan & Selangor

Zon B - Johor, Kelantan, Pahang, Penang, Perak, Perlis, Terengganu & Kedah

Zon C - Pantai Timur, Sabah & Sarawak

“*” masih menunggu kelulusan MITI

- 4.4 Setiap kos yang terlibat di bawah kaedah yang dinyatakan akan melalui sesi rundingan harga bersama Badan Penilai yang dilantik agar kos ini akan menguntungkan kerajaan selaras dengan PP/PK7.16 dan seterusnya akan dimuktamadkan di peringkat Lembaga Perolehan.

5.0 PERANCANGAN PELAKSANAAN PENILAIAN KESEDIAAN INDUSTRY4WRD 2021 BAGI BADAN PENILAI BAHARU

- 5.1 Jadual di bawah menunjukkan perancangan yang disediakan bagi memastikan pelaksanaan RA dapat dijalankan dengan teratur:

Aktiviti	Bulan									
	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
1. Prosedur Perolehan										
2. Latihan Penuh penilai baharu										
3. Mock Assessment										
4. Pelaksanaan RA										
5. Penghantaran laporan RA										
6. Pembayaran										

6.0 SYOR/PERAKUAN


- 6.1 Adalah disyorkan agar pihak Lembaga Pengurusan MPC (BOM) dapat meluluskan Peruntukan Bajet untuk Pembayaran Program Penilaian Kesediaan *Industry4WRD* bagi tahun 2021 kepada Badan Penilai Baharu dengan kos terlibat sebanyak **RM1,100,000.00**.

Disediakan:




Mohd Khairul Nazir Nawi
Pengurus
Tarikh : 5 Mac 2021

Disemak:



Safriwati Jasri
Pengurus Kanan
Tarikh : 5 Mac 2021

Disokong:



Saliza Saari
Pengarah
Tarikh : 5 Mac 2021